

Jumaat hari perogol sarung kaki mengganas

Oleh HAFIZ ABBAS

mohdhafiz.abbas@kosmo.com.my

KUANTAN - Ketika umat Islam lain membuat ibadat dengan bersolat pada hari Jumaat, lain pula yang dilakukan oleh seorang lelaki yang menjadikan hari tersebut sebagai masa mencari wanita untuk dirogol dan disamun.

Lelaki yang memakai sarung kaki wanita bagi menutup wajahnya dikatakan memilih Flat Sri Prima, Jalan Haji Abdul Aziz di sini dan sebuah hotel bajet tidak jauh dari flat tersebut bagi mencari sasarannya.

Kemunculan perogol itu mula heboh selepas dua wanita yang masing-masing tinggal di flat dan sebuah hotel di situ menjadi mangsa rogol lelaki itu.

Kes pertama berlaku pada pukul 10 pagi Jumaat 10 April membabitkan seorang wanita yang tinggal di sebuah hotel.

Seminggu kemudian, juga pada hari Jumaat, seorang wanita yang tinggal di sebuah rumah di flat tersebut menjadi mangsa kedua dipercayai membabitkan lelaki sama.

Semasa kejadian kedua-dua mangsa itu tinggal bersendirian di kediaman masing-masing.

Ramai penduduk di situ yang mula bimbang dengan kejadian tersebut mengaitkan kemunculan lelaki itu dengan amalan ilmu hitam.

Suspek berusia 20-an itu hanya bersenjatakan sebilah pisau ketika dia mengetuk pintu rumah atau bilik hotel bagi melakukan jenayahnya.

Sebaik mangsa membuka pintu, dengan pantas suspek itu bertindak masuk



RUSHDI SALLEH

INILAH Flat Sri Prima di Jalan Haji Abdul Aziz, Kuantan yang didakwa menjadi sasaran perogol mencari mangsa.

ke dalam rumah dan mengunci pintu.

Dalam kedua-dua kes itu, suspek dikatakan merogol selepas merampas barangan berharga milik mangsa.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Kuantan, Deputy Supritendan Kamaruzzaman Jaafar mengesahkan mengenai dua kejadian rogol dan samun yang dipercayai membabitkan lelaki sama yang berlaku pada hari Jumaat.

"Terdapat dua kes rogol dilaporkan di bandar Kuantan pada bulan ini dengan setiap kes berlaku pada hari Jumaat," jelas beliau.

Menurut beliau, setakat ini polis belum mengklafikasikan suspek itu sebagai perogol bersiri.

"Suspek itu akan disenaraikan sebagai perogol bersiri sekiranya dia melakukan kes rogol ketiga selepas ini," kata beliau.

Sementara itu, seorang penyewa Flat Sri Prima, Nur Shaidatul Amirah Ramli, 23, berkata, dia amat bimbang setelah mendengar banyak kejadian rogol membabitkan gadis yang menyewa flat di situ.

"Perasaan saya tidak tenteram apa lagi ketika memikirkan kejadian itu mungkin boleh terjadi ke atas saya ketika

tinggal berseorangan.

"Berdasarkan cerita yang saya dengar, perogol terbabit seolah-olah tahu mangsanya tinggal seorang diri," kata beliau.

Shaidatul juga mengesyaki perogol itu mengamalkan ilmu sihir kerana hanya memilih hari Jumaat untuk melakukan jenayahnya.

Seorang lagi penyewa, Nor Al-Isra Mohd. Tahir, 18, berkata, dia juga percaya perogol itu mengamalkan ilmu pukau.

"Ini berdasarkan kepada dua kejadian rogol yang dipercayai dilakukan suspek sama hanya pada hari Jumaat," jelasnya.

Siti Nadzirah Mohd. Sayuti, 18, pula berkata, perogol tersebut seolah-olah memilih mangsa di kalangan gadis yang menyewa di flat itu saja.

"Mungkin perogol itu merasakan lebih mudah untuk melakukan jenayah itu di flat kerana kebanyakan kami bekerja ikut jadual masing-masing.

"Jadi, sesiapa pun mungkin akan membuka pintu rumah jika ia diketuk kerana menyangkakan orang yang mengetuk pintu itu adalah kawan-kawan sendiri," ujarnya.



SHAI DATUL



NOR AL-ISRA



SITI NADZIRAH